28 Februari 2025
*28 February 2025*
P.U. (A) 75

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*


# PERINTAH PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PEREDARAN ANTARABANGSA) (KENDERAAN BARANGAN RENTAS SEMPADAN ASEAN) (PENGECUALIAN) 2025

# *LAND PUBLIC TRANSPORT (INTERNATIONAL CIRCULATION) (ASEAN CROSS-BORDER GOODS VEHICLE) (EXEMPTION) ORDER 2025*


DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

PERINTAH PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PEREDARAN ANTARABANGSA) (KENDERAAN BARANGAN RENTAS SEMPADAN ASEAN) (PENGECUALIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 251(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*], Menteri, atas syor Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) (Pengecualian) 2025**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 3 Mac 2025 hingga 2 Mac 2028.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan mana-mana pengendali berlesen daripada pemakaian had berat maksimum dengan muatan dibenarkan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023 [*P.U. (A) 357/2023*], bagi maksud suatu permohonan permit di bawah peraturan 5 Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023 itu.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarat bahawa apa-apa pergerakan rentas sempadan yang dibuat oleh pengendali berlesen itu hendaklah tidak melebihi had berat maksimum dengan muatan dibenarkan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023 itu.

Dibuat 28 Februari 2025
[MOT.(S).600-6/3/17 JLD.4 (1); PN(PU2)742]

LOKE SIEW FOOK
*Menteri Pengangkutan*

LAND PUBLIC TRANSPORT ACT 2010

# LAND PUBLIC TRANSPORT (INTERNATIONAL CIRCULATION) (ASEAN CROSS-BORDER GOODS VEHICLE) (EXEMPTION) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 251(1) of the Land Public Transport Act 2010 [*Act 715*], the Minister, on the recommendation of the Director General of Land Public Transport, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Land Public Transport (International Circulation) (ASEAN Cross-Border Goods Vehicle) (Exemption) Order 2025**.

(2) This Order has effect for the period from 3 March 2025 to 2 March 2028.

**Exemption**

2. (1) The Minister exempts any licensed operator from the application of the maximum permissible laden weight specified in the First Schedule to the Land Public Transport (International Circulation) (ASEAN Cross-Border Goods Vehicle) Regulations 2023 [*P.U. (A) 357/2023*], for the purposes of an application of permit under regulation 5 of the Land Public Transport (International Circulation) (ASEAN Cross-Border Goods Vehicle) Regulations 2023.

(2) The exemption granted under subparagraph (1) is subject to the condition that any cross-border movement made by the licensed operator shall not exceed the maximum permissible laden weight specified in the First Schedule to the Land Public Transport (International Circulation) (ASEAN Cross-Border Goods Vehicle) Regulations 2023.

Made 28 February 2025
[MOT.(S).600-6/3/17 JLD.4 (1); PN(PU2)742]

LOKE SIEW FOOK
*Minister of Transport*